

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

SOALAN :

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- a) senarai nama agensi-agensi kebajikan yang telah mendapat bantuan daripada baitulmal pada tahun 2013 mengikut negeri-negeri serta jumlah agihan kewangan; dan
- b) berapakah jumlah penerima individu serta jumlah agihan kewangan yang diterima pada tahun tersebut.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat

terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan mengenai perkara-perkara berkenaan di negeri-negeri. Oleh itu maklumat mengenai agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan agensi yang menguruskan dana zakat. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) manakala agihan zakat dilaksanakan oleh MAIWP melalui Bahagian Baitulmal.

Berhubung agensi-agensi kebajikan yang telah mendapat bantuan daripada baitulmal pada tahun 2013, dimaklumkan sebanyak 153 agensi kebajikan atau badan bukan Kerajaan (NGO) telah menerima bantuan daripada Baitulmal MAIWP dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.53 juta.

- (b) **Manakala jumlah individu yang menerima bantuan pada tahun 2013,** ialah secara keseluruhannya MAIWP telah memberi bantuan kepada 116,406 penerima dengan jumlah sebanyak RM264.8 juta .

Sekian terima kasih.